



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

MANUAL PENGOPERASIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA PENGGILIRAN


2021



01	PENGENALAN	1
02	PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA PENGGILIRAN	3
03	KAEDAH PEMBELAJARAN	6
04	KAEDAH PENTAKSIRAN BILIK DARJAH	9
05	TANGGUNGJAWAB PENGETUA/ GURU BESAR	10
06	TANGGUNGJAWAB GURU	11
07	TANGGUNGJAWAB MURID	12
08	TANGGUNGJAWAB IBU BAPA/ PENJAGA	13
09	PENUTUP	14

- 1.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan pembukaan sekolah secara berperingkat mengikut fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai 3 Oktober 2021.
- 1.2 Semasa pembukaan sekolah ini, kehadiran murid adalah secara penggiliran mengikut minggu. Sebahagian murid akan hadir ke sekolah manakala sebahagian murid lagi belajar di rumah. Oleh itu, KPM mengeluarkan Manual Pengoperasian Pengajaran dan Pembelajaran Secara Penggiliran sebagai panduan kepada sekolah untuk melaksanakan PdP secara penggiliran.
- 1.3 Manual ini berbeza daripada Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2.
- 1.4 Bagi menentukan penggiliran kehadiran, murid dalam setiap kelas dibahagikan kepada dua (2) kumpulan. Pembahagian murid adalah berdasarkan 50 peratus bilangan murid dalam kelas.


Kehadiran secara penggiliran ini akan berlaku seperti Rajah 1.



Rajah 1: Pengoperasian Kehadiran Murid Secara Penggiliran

- 1.5 Pada minggu pertama, murid kumpulan A akan belajar di sekolah manakala murid kumpulan B akan belajar di rumah. Pada minggu kedua, murid kumpulan B pula akan belajar di sekolah manakala murid kumpulan A akan belajar di rumah.


- 1.6 Pembahagian murid dalam kelas yang mempunyai bilangan murid yang ramai seperti Rajah 2.



Rajah 2: Kaedah Pembahagian Murid dalam Kelas dengan Bilangan Murid yang Ramai

Sebagai contoh, Tingkatan 5 Jupiter mempunyai 42 orang murid dan mereka dibahagikan kepada dua (2) kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai 21 orang murid. Kumpulan A mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah manakala kumpulan B mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara sendiri pada minggu pertama. Penggiliran akan berlaku pada minggu kedua.

- 1.7 Pembahagian murid bagi kelas dengan bilangan murid yang sedikit seperti Rajah 3.



Rajah 3: Kaedah Pembahagian Murid dalam Kelas dengan Bilangan Murid yang Sedikit

- 2.1 Pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara penggiliran akan berlaku dalam dua keadaan, iaitu PdP secara bersemuka di sekolah dan PdPR secara sendiri di rumah.
- 2.2 Murid yang mengikuti PdP secara bersemuka akan belajar mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Bagi murid yang berada di rumah, mereka akan melaksanakan PdPR dengan menggunakan bahan pembelajaran dan melaksanakan tugas yang diberikan oleh guru.
- 2.3 Guru akan menetapkan kumpulan murid dan giliran mereka hadir ke sekolah untuk PdP secara bersemuka sebelum sekolah dibuka.
- 2.4 Guru akan memaklumkan kepada setiap kumpulan murid tentang persediaan yang perlu dilaksanakan semasa mereka menjalani PdPR secara sendiri atau sebelum mereka hadir ke sekolah untuk PdP secara bersemuka.
- 2.5 Bagi kumpulan murid yang mengikuti PdPR secara sendiri, guru akan menjelaskan tentang aktiviti, latihan atau tugas yang perlu dilaksanakan berdasarkan topik yang akan dipelajari.
- 2.6 Di samping itu, guru akan turut memberi sumber rujukan yang boleh digunakan oleh murid semasa pembelajaran di rumah. Ini membolehkan murid mengikuti aktiviti pembelajaran melalui TV Pendidikan, rakaman video, pelantar DELIMA serta SumberKU.
- 2.7 Guru juga boleh memberi tugas untuk murid membuat buku skrap, projek mudah, aktiviti amali mudah atau membaca buku, modul, buku teks dan nota. Tugas ini akan disemak oleh guru apabila murid kembali ke sekolah pada minggu berikut.

- 2.8 Selain daripada mengajar topik yang berkaitan, guru juga akan menjelaskan kepada murid yang mengikuti PdP secara bersemuka tentang persediaan yang perlu dibuat sewaktu mereka berada di rumah untuk PdPR secara sendiri pada minggu berikutnya.
- 2.9 Bagi memastikan keberkesanan pendekatan ini, guru akan merancang dan melaksanakan topik pembelajaran dengan mengambil kira baki kandungan kurikulum mata pelajaran yang ditetapkan dan penguasaan pembelajaran murid sepanjang tempoh penggiliran dilaksanakan. Guru boleh melaksanakan aktiviti pemulihan atau pengukuhan bergantung kepada keupayaan murid.
- 2.10 PdPR secara sendiri dilaksanakan bagi murid yang hadir ke sekolah secara bergilir kerana guru yang berada di sekolah perlu mengajar secara bersemuka.
- 2.11 Di samping itu, guru juga perlu menjalankan tugas lain seperti menjaga murid di dalam kelas pada waktu rehat, mengambil suhu di pintu masuk sewaktu murid datang ke sekolah dan mengawal pergerakan semasa datang dan pulang. Hal ini bertujuan bagi memastikan pematuhan prosedur operasi standard dan keselamatan murid terjamin.
- 2.12 Bagi murid yang masih tidak terlibat dengan penggiliran, mereka mengikuti PdPR sepenuhnya berdasarkan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2.


- 2.13 Oleh itu, Rajah 4 menjelaskan bagaimana murid mengikuti PdP secara penggiliran.

TANPA PENGGILIRAN



Rusdi murid Tingkatan 6 Sem 2 dan rakan-rakan hadir ke sekolah mengikuti PdP

SECARA PENGGILIRAN



TIDAK TERLIBAT PENGGILIRAN



Isma murid Tingkatan 2 dan rakan-rakan mengikuti PdPR

Rajah 4 : Contoh Pelibatan Murid dalam PdP Secara Penggiliran.

- 3.1 Murid hadir secara penggiliran mengikut minggu. Pada minggu pertama, murid kumpulan A hadir mengikut PdP secara bersemuka dan mengikut PdPR secara sendiri pada minggu kedua.
- 3.2 Murid kumpulan B pula mengikut PdPR secara sendiri pada minggu pertama dan hadir mengikut PdP secara bersemuka pada minggu kedua. Kaedah pembelajaran secara penggiliran ini akan berlaku secara berterusan seperti Jadual 1.

Minggu/ Kumpulan	1	2	3	4	5	6
A	PdP di sekolah	PdPR	PdP di sekolah	PdPR	PdP di sekolah	PdPR
	Pembelajaran Pemulihan Pengukuhan Topik S + T	Latihan/ Tugasan Topik S + T Persediaan Topik U + V	Pembelajaran Pemulihan Pengukuhan Topik U + V	Latihan/ Tugasan Topik U + V Persediaan Topik W + X	Pembelajaran Pemulihan Pengukuhan Topik W + X	Latihan/ Tugasan Topik W + X Persediaan Topik Y + Z
B	PdPR	PdP di sekolah	PdPR	PdP di sekolah	PdPR	PdP di sekolah
	Persediaan Topik S + T	Pembelajaran Pemulihan Pengukuhan Topik S + T	Latihan/ Tugasan Topik S + T Persediaan Topik U + V	Pembelajaran Pemulihan Pengukuhan Topik U + V	Latihan/ Tugasan Topik U + V Persediaan Topik W + X	Pembelajaran Pemulihan Pengukuhan Topik W + X

Jadual 1: Contoh Aktiviti Pembelajaran

- 3.3 Berdasarkan pelaksanaan dalam Jadual 1, guru boleh:
- 3.3.1 menggabungkan dua atau lebih topik yang bersesuaian dalam tempoh dua minggu pembelajaran; dan
- 3.3.2 menyelesaikan kandungan kurikulum walaupun berlaku penggiliran. Sebagai contoh, bagi mata pelajaran Sejarah Tingkatan 4, Topik S (Usaha-usaha Ke Arah Kemerdekaan) dan Topik T (Pilihan Raya) boleh digabungkan.

- 3.4 Guru merancang dan melaksanakan topik pembelajaran **dengan mengambil kira baki kandungan** kurikulum mata pelajaran yang ditetapkan dan **penguasaan pembelajaran** murid sepanjang PdPR.
- 3.5 Semasa PdP secara bersemuka, guru juga boleh melaksanakan aktiviti pemulihan atau pengukuhan bergantung kepada keupayaan murid.
- 3.6 Bagi pelaksanaan PdPR secara sendiri murid boleh diberikan:
- 3.6.1 latihan atau tugas bagi topik yang telah dipelajari semasa PdP di sekolah; dan
- 3.6.2 tugas untuk membuat persediaan bagi topik yang akan dipelajari pada minggu berikutnya.
- 3.7 Murid yang melaksanakan PdPR secara sendiri boleh belajar mengikut kesesuaian mereka. Ibu bapa/penjaga atau murid boleh membuat jadual seperti Jadual 2 sebagai salah satu cara untuk PdPR secara sendiri.

Hari / Peringkat	01 PERTAMA	02 KEDUA	03 KETIGA	04 KEEMPAT	05 KELIMA
Sekolah Rendah Tahap 1	2 Mata Pelajaran	2 Mata Pelajaran	2 Mata Pelajaran	2 Mata Pelajaran	1 Mata Pelajaran
Sekolah Rendah Tahap 2	3 Mata Pelajaran	3 Mata Pelajaran	3 Mata Pelajaran	3 Mata Pelajaran	1 Mata Pelajaran
Sekolah Menengah Rendah	2 Mata Pelajaran	2 Mata Pelajaran	2 Mata Pelajaran	2 Mata Pelajaran	1 Mata Pelajaran
Sekolah Menengah Atas	2 Mata Pelajaran	2 Mata Pelajaran	2 Mata Pelajaran	2 Mata Pelajaran	1 Mata Pelajaran

Jadual 2: Contoh Jadual Pembelajaran Secara Sendiri Murid Sekolah Rendah

- 3.8 Di samping itu, aktiviti seperti menonton rancangan TV Pendidikan/rakaman video, mencari maklumat dalam pelantar DELIMA atau SumberKU, membuat buku skrap/projek mudah/aktiviti amali mudah atau membaca buku/modul/buku teks/nota boleh diberikan kepada murid untuk PdPR secara sendiri

- 4.1 Sepanjang tempoh pengoperasian PdP secara penggiliran, guru akan melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid.
- 4.2 Murid yang hadir secara penggiliran ditaksir semasa mengikuti PdP secara bersemuka di sekolah. PBD tidak akan dilaksanakan apabila mereka mengikuti PdPR secara sendiri di rumah.
- 4.3 Semasa PdP secara bersemuka, guru boleh mentaksir murid melalui tiga (3) kaedah iaitu pemerhatian, penulisan dan lisan.
- 4.4 Guru boleh merujuk Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi ke-2 dan Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Secara Dalam Talian.

Pengetua/Guru Besar bertanggungjawab untuk:

1

Merancang pelaksanaan PdP secara penggiliran:

- i. agihan guru
- ii. jadual waktu
- iii. pembahagian kelas
- iv. bahan pembelajaran

2

Membimbing guru dalam melaksanakan PdP secara penggiliran.

3

Memastikan guru menyediakan dan menyerahkan bahan pembelajaran secara sendiri murid semasa murid berada di sekolah pada hari akhir sesi PdP di sekolah setiap minggu. Bahan pembelajaran yang disediakan mestilah bersesuaian dan tidak membebankan murid.

4

Memantau dan melaksanakan penambahbaikan PdP secara penggiliran dari semasa ke semasa.

5

Mengadakan aktiviti *Professional Learning Community (PLC)* bagi membantu meningkatkan kefahaman dan kemahiran guru dalam pelaksanaan PdP secara penggiliran.

6

Mengadakan sesi libat urus dengan ibu bapa/penjaga mengenai pelaksanaan PdP secara penggiliran.

Guru yang melaksanakan PdP secara penggiliran akan mengambil tindakan berikut:

1

Merancang dan melaksanakan PdP dengan mengambil kira baki kandungan kurikulum mata pelajaran yang ditetapkan serta **penguasaan pembelajaran** murid sepanjang tempoh PdPR.

2

Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) kepada murid yang mengikuti PdP di sekolah.

3

Menyediakan satu (1) Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang merangkumi PdP secara bersemuka dan PdPR secara sendiri berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999, Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran.

4

Menyediakan aktiviti dan bahan pembelajaran seperti rakaman video, modul dan lembaran tugas dengan mengambil kira baki kandungan kurikulum bagi murid yang mengikuti PdPR secara sendiri.

5

Menyenaraikan sumber pembelajaran yang boleh digunakan oleh murid semasa PdPR seperti TV Pendidikan, rakaman video, pelantar DELIMA serta SumberKU.

6

Memberi arahan tugas yang jelas kepada murid yang mengikuti PdPR secara sendiri melalui lisan (rakaman suara atau video) atau secara bertulis.

7

Memastikan murid mendapat dan memahami tugas pembelajaran yang disediakan untuk PdPR secara sendiri.

8

Menyemak tugas pembelajaran yang diberi kepada murid apabila mereka kembali ke sekolah.

9

Memaklumkan ibu bapa/penjaga tentang tugas pembelajaran yang diberi kepada murid.

Murid yang mengikuti PdP secara penggiliran perlu:

1

Hadir bergilir-gilir secara mingguan dan mengikut jadual waktu yang disediakan.

2

Mendapatkan bahan, tugas dan penjelasan daripada guru mata pelajaran untuk PdPR secara sendiri di rumah.

3

Merancang masa belajar untuk menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru.

4

Menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru.

5

Membuat persediaan untuk sesi PdP secara bersemuka di sekolah pada minggu berikutnya.

Tanggungjawab ibu bapa/penjaga adalah:

- 1 **Memastikan anak/anak jagaan hadir ke sekolah** mengikut jadual penggiliran yang disediakan oleh pihak sekolah.
- 2 **Memastikan anak/anak jagaan melaksanakan tugas/aktiviti** PdPR secara sendiri yang disediakan guru.
- 3 **Membantu anak/anak jagaan mendapat maklumat** berkaitan dengan sesi PdPR secara sendiri bersama-sama guru ataupun arahan/tugas/kerja rumah yang diberikan guru.
- 4 **Berkomunikasi dengan guru** dari semasa ke semasa untuk mendapatkan maklumat pembelajaran anak/anak jagaan seperti jadual waktu atau perkembangan pembelajaran.
- 5 **Menyokong pembelajaran** anak/anak jagaan dengan memberi motivasi.
- 6 **Memberi kerjasama** yang berterusan terhadap aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak sekolah.

Manual Pengoperasian Pengajaran dan Pembelajaran Secara Penggiliran ini merupakan satu panduan kepada Pengetua/Guru Besar, guru, murid dan ibu bapa/penjaga. Pengetua/Guru Besar dan guru boleh merancang PdP secara sistematik bagi memastikan keberkesanan proses pembelajaran murid yang hadir secara penggiliran. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama bagi memastikan PdP secara penggiliran ini dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar.